



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55
No. 1

6hb Januari 2011

*TAMBAHAN No. 1
PERUNDANGAN*

M. P. U. 1.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36 DAN SUBSEKSYEN 38(1)

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*En. No. 7 tahun 2002*] dan telah dikemukakan kepada Majlis oleh Mufti, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, menurut subseksyen 36(3), dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen 36(4) bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta* dan telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri menurut subseksyen 36(6) fatwa itu adalah disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen itu dan subseksyen 38(1).

JADUAL

1. Menetapkan bahawa kadar '*uruf*' pemakaian emas perhiasan oleh wanita Islam di negeri Melaka ialah sebanyak 200 gram;

2. Kadar pengiraan zakat emas perhiasan bagi negeri Melaka ialah 2.5 peratus daripada nilai emas yang melebihi kadar '*uruf*' pemakaian emas yang ditetapkan seperti formula berikut :

$$2.5\% \times (\text{nilai emas} - \text{kadar '*uruf*'}) = \text{zakat emas}$$

3. Meminda keputusan fatwa terdahulu dengan keputusan ini dan menyiarkannya dalam Warta Kerajaan Negeri Melaka.

Bertarikh 18 Mei 2010

[JMM/BFB(S)/351/255//02/09; PUNM. 700-02/40]

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
Pengerusi/Chairman,
Majlis Agama Islam Melaka